

# **AN-NUR MUSLIM ENTERPRISE**

**Disediakan oleh :**

**Nur Hasra bt Hassan**

**95219963**

**Norhashikim bt Naser**

**95376820**

**Ranisuwati bt Abdul Razak**

**95397040**

**Puteri Indah bt Mohd Idrus**

**95934207**


**Wan Nazlee bt Wan Osman**

**95298601**

**Disediakan Untuk :**

**Tuan Haji Illias Zaïdi**

**Pensyarah ETR 300**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Januari 1998  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelaiar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Puteri Indah Mohd Idrus	95934207
2.	Norhashikim Naser	95376820
3.	Nur Hasra Hassan	95219963
4.	Wan Nazlee Wan Osman	95298601
5.	Ranisuwati Abd Razak	95397040

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

Pelajar Diploma Pentadbiran Awam  
ITM Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

16 Februari 1998

Tuan Haji Illias Zaidi  
Pensyarah ETR 300  
ITM Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan

### PENYERAHAN LAPORAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada pekara di atas, kami dengan sukacitanya mengemukakan laporan Rancangan Perniagaan ( RP ) kami. Projek perniagaan yang kami rancang adalah penjualan barangan keperluan muslimin dan muslimah. Kami memilih perniagaan ini adalah kerana kami mendapati perniagaan ini masih kurang persaingannya dan peluang ini kami gunakan dengan sebaiknya untuk menubuhkan 'AN-NUR MUSLIM ENTERPRISE'.

Laporan ini adalah sebagai memenuhi syarat yang dikenakan kepada para pelajar Semester 5 di Institut Teknologi Mara. Di samping itu juga ia membolehkan pelajar mengetahui cara dan teknik bagi menjalankan sesebuah perniagaan seterusnya menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Di sini kami juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Hajah Zulaiha Bachar dan Tuan Haji Illias Zaidi yang telah memberi tunjuk ajar kepada kami di dalam menjayakan projek ini.

Kami berharap agar pihak tuan akan berpuas hati dengan hasil kertas kerja ini dan semoga ia akan memberi manfaat kepada yang memerlukannya.

Sekian.

Yang benar

( Wan Nazlee Wan Osman @ Hassan )

( Nur Hasra Hassan )

( Ranisuwati Abdul Razak )

( Puteri Indah Mohd Idrus )

( Norhashikim Naser )

## PENGENALAN

An-Nur Muslim Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang terletak di Plaza Hang Tuah, Melaka.

Kami mengambil inisiatif membuka sebuah perniagaan yang menawarkan barang-barang keperluan muslimin ini adalah ekoran daripada perkembangan syariat Islam di Malaysia.

Kami mengambil langkah untuk menceburi perniagaan ini kerana kami menyedari akan kurangnya usahawan yang menceburi bidang ini dan ia mempunyai potensi untuk berkembang maju.

Perkembangan syarikat ini akan dibantu oleh lokasi strategik yang mampu menjadi pusat tumpuan orang ramai membeli barangan muslim.

An-Nur Muslim Enterprise mementingkan mutu, kekemasan dan keselesaan dari segi barangan, perkhidmatan dan susun atur barangan. Konsep perniagaan kami selain memperolehi keuntungan adalah untuk mendapatkan keberkatan Illahi, Insyaallah.